

08 JUN 1998

Ekspo

DR MAHATHIR RASMI "EKSPLO CINTAI BARANGAN MALAYSIA" BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- "Ekspo Cintai Barangan Malaysia" yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pusat pameran Mines di sini bulan depan dijangka menarik lebih setengah juta pelawat dalam dan luar negara.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, pameran selama 10 hari bermula 10 Julai itu merupakan ekspo barangan tempatan terbesar anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur/Selangor.

"Saya mengucapkan tahniah kepada dewan itu yang menganjurkan ekspo berkenaan terutama dalam keadaan masa sekarang," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi dewan itu di pejabatnya hari ini.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, kementeriannya juga akan mengambil bahagian dalam ekspo itu dengan mempamerkan perkhidmatan pengangkutan.

"Kita akan mempelawa Penerbangan Malaysia (MAS) untuk mengambil bahagian dengan mempamerkan perkhidmatan mereka. Kita mahu lebih banyak rakyat Malaysia menggunakan MAS apabila pergi ke luar negara," katanya.

Ling berkata, kementeriannya memberi sokongan kepada ekspo itu kerana ia selaras dengan aspirasi kerajaan supaya orang ramai menggunakan barangan tempatan.

"Rakyat Malaysia harus ingat bahawa apabila mereka membeli barangan Malaysia, mereka bukan sahaja membantu pengeluar dan pekerja tetapi juga memperkukuhkan ekonomi negara.

"Mereka perlu memahami konsep kempen 'Cintai Malaysia, Beli Barangan Malaysia.' Mereka bukan sahaja patut membeli barangan tempatan, tetapi lebih daripada itu belajar dan bercuti di dalam negara," katanya.

Sementara itu, Presiden dewan itu, Lim Guan Teik berkata ekspo itu akan mempamerkan barangan dan perkhidmatan tempatan seperti perabot, pakaian, kasut, barangan elektrik, barangan farmasi, pengangkutan dan hotel.

Katanya, setakat ini 300 syarikat telah mengesahkan penyertaan. Kira-kira 500 daripada 700 ruang pameran bagi ekspo itu telah ditempah.

Mereka yang berminat untuk menyertai ekspo itu boleh menghubungi Sekretariat dewan melalui talian 03-4532135.

-- BERNAMA

NZ RHM